

19 JUN 2003

Umno-Bahas (Negeri)

PEMIMPIN UMNO NEGERI SANJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpesan supaya jangan telalu memujinya pada Perhimpunan Agung parti yang terakhir baginya selaku Presiden, sanjungan mencurah-curah datang dari kesemua pemimpin perhubungan negeri Umno hari ini.

Mereka menyatakan penghargaan terhadap sumbangan Perdana Menteri di peringkat parti dan negara ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada perhimpunan agung parti ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dalam masa yang sama mereka menyatakan sokongan dan keyakinan terhadap penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengambil alih kepimpinan daripada Dr Mahathir.

Berbeza dari amalan biasa, sempena dengan persaraan Dr Mahathir Oktober ini, bukannya anggota perwakilan negeri-negeri tetapi ketua-ketua perhubungan diberi peluang membahaskan ucapan dasar itu.

Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed mencadangkan kerajaan menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir Mohamad sebagai pengiktirafan kepada sumbangan Perdana Menteri terhadap Malaysia.

Katanya, kebiasaannya, untuk membina satu tamadun memerlukan masa selama 50, 100 atau 200 tahun, Dr Mahathir mengambil masa hanya 22 tahun untuk membina tamadun Islam era baru.

"Perdana Menteri telah berjaya mengubah cara hidup rakyat serta membina jatidiri dan minda orang Islam. Beliau juga satu-satu pemimpin yang berani menegur sikap orang Melayu," katanya.

Selain dianggap seorang patriot dan nasionalis, sifat Dr Mahathir yang "hands-on" serta "semakin diuji semakin kental" terbukti apabila beliau berjaya mengatasi dengan baik krisis ekonomi yang telah meruntuhkan banyak ekonomi serantau apabila Malaysia pulih dalam masa yang agak singkat, katanya.

Antara pencapaian beliau ialah kejayaan syarikat kereta nasional Proton mencungkil kemahiran kaum Bumiputera dalam bidang industri serta kejayaan Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumpul dana pelaburan terbesar kaum Bumiputera.

Sifat Dr Mahathir yang berwawasan juga terbukti dengan kejayaan Langkawi sebagai sebuah pulau bebas cukai sedangkan kajian oleh Kementerian Kewangan dan pihak kastam sebelum itu mengenai cadangan berkenaan, mendapati pulau itu tidak sesuai.

Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dalam perbahasannya berkata Dr Mahathir mempunyai keistimewaan dapat membaca dengan tepat sesuatu yang berlaku di dalam dan luar negara.

Isa yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan berkata keistimewaan itu membolehkan Dr Mahathir menganalisis apa yang tersirat dan tersurat dan "Kehebatan membaca inilah yang menyelamatkan kita,".

Beliau juga menyatakan sokongan padu Umno negeri terhadap kepimpinan Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah yang akan menerajui parti dan negara selepas persaraan Dr Mahathir Oktober ini.

Ketua Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo pula mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana peranannya dalam memajukan Selangor sehingga muncul sebagai negeri termaju di Malaysia.

Beliau berkata negara bertuah kerana ditadbir oleh barisan pemimpin dulu dan sekarang yang bijak, amanah dan berani.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam berkata hadiah yang paling istimewa buat Dr Mahathir ialah bagi Umno

meraih kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

"Cara yang terbaik untuk kita nyatakan sokongan kepada Datuk Seri (Dr Mahathir) dan Pak Lah ialah pada pilihan raya akan datang. Ambil semula kerusi yang kita kalah di samping pertahankan apa yang kita menang," katanya.

Dengan keanggotaan sebanyak tiga juta orang, katanya adalah tidak sukar bagi Umno untuk meraih kemenangan pada pilihan raya akan datang.

"Pengundi seluruh negara seramai 10 juta. Orang Melayu enam juta dan ahli Umno tiga juta. Jadi, saya cadangkan kita sasar 60 peratus Bumiputera menjadi ahli Umno.

"...supaya bila tiba masa pilihan raya, kita sudah menang 10 peratus. Yang penting ialah kesetiaan anggota Umno terhadap parti," kata Mohamed Ali yang juga Ketua Menteri Melaka.

Umno Sabah pula bertekad akan meneruskan pembangunan selepas pimpinan Dr Mahathir di samping memastikan keadaan pembangkang sifar sebagai fenomena kekal dan sinonim di negeri itu.

Meskipun tempoh bagi kerajaan Barisan Nasional memerintah Sabah akan tamat pada Mac tahun depan, kerajaan negeri pimpinan Umno tidak pernah lalai dan alpa, kata Pengerusi perhubungan negeri Datuk Musa Aman.

Beliau juga berkata tidak ada tempat bagi anggota yang tidak komited dalam perjuangan Umno di Sabah kerana Umno bukan "rumah persinggahan" memandangkan parti itu adalah wahana (saluran/perantaraan) dan nadi perjuangan bangsa.

Musa berkata jumlah anggota Umno di Sabah semakin meningkat kepada hampir setengah juta orang berbanding hanya 200,000 orang 12 tahun lalu, dan merupakan negeri kedua teramai selepas Johor.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim turut mencadangkan penubuhan "Mahathir Centre" atau pusat pemikiran Dr Mahathir bagi tujuan mendalami pemikiran Perdana Menteri itu yang mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau berkata langkah itu wajar kerana Dr Mahathir adalah "Putera Umno" dan menghabiskan sebahagian hidupnya berjuang dalam parti.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata Dr Mahathir telah melakukan dua perubahan penting dari sudut struktur dan prosedur masyarakat. Pertama mengubah cara berfikir orang Melayu daripada mentaliti subsidi diganti dengan sifat berdikari.

Kedua, ketidakmampuan bangsa Melayu yang sering dikaitkan dengan perasaan rendah diri dan kurang yakin, diubah kepada semangat Malaysia boleh yang turut dihayati bersama oleh kaum lain.

Menteri Besar itu menggesa seluruh anggota Umno Kedah memperkukuhkan perpaduan dan menjadikan kemenangan mutlak pada pilihan raya umum akan datang sebagai hadiah persaraan bagi Presiden Umno.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu Datuk Idris Jusoh berkata ketika Umno menghadapi zaman peralihan kepimpinan, Umno Terengganu bertekad untuk merampas semula tampuk kerajaan negeri itu sebagai tanda penghargaan kepada sumbangan Dr Mahathir dan Abdullah, selepas negeri itu terlepas kepada PAS pada pilihan raya umum 1999.

Beliau berkata kesungguhan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pemimpin itu menyaksikan kekuatan Umno Terengganu semakin stabil apabila sokongan rakyat terhadap Umno semakin pulih.

"Umno Terengganu berjanji akan kembalikan Terengganu ke pangkuan Barisan Nasional sebagai hadiah untuk Datuk Seri Abdullah dan Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

MAN RAR KHY RON